

# Warga UMS jayakan aktiviti amal di Kg. Serigai, Putatan

NST 4.2.2014 9

PUTATAN: Lebih 50 warga UMS telah turun padang bagi menjayakan aktiviti amal sempena Maulidur Rasul yang dijalankan di Masjid Al-Amin, Kampung Serigai, Putatan.

Program anjuran Jabatan Pendaftrar itu turut mendapat sokongan penduduk dan kumpulan Pemuda UMNO Bahagian P173 Putatan yang telah bersama-sama menjalankan aktiviti gotong royong di kawasan masjid kampung tersebut.

Pendaftar UMS, Datuk Abdullah Hj. Mohd Said berkata, aktiviti gotong-royong itu dijalankan bertujuan untuk menuaikan tanggungjawab sosial korporat (CSR) jabatan selain berpeluang mendekatkan nama UMS kepada masyarakat sekeliling.


"Program amal seperti ini dapat menyuburkan dan menyemai nilai-nilai murni dalam diri setiap insan selain mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan kakitangan dan penduduk kampung," katanya ketika merasmikan program khidmat masyarakat itu. Teks ucapan beliau disampaikan oleh Ketua Bahagian Sumber Manusia, Luqman Ridha Anwar.

Setelah selesai bergotong-royong membersihkan halaman dan mengecat semula kawasan masjid, para peserta kemudiannya telah menunaikan solat Zuhur secara berjemaah, sebelum mendengar tazkirah Maulidur Rasul yang disampaikan oleh penceramah jemputan, Haji Lamsin Anggali.

CAT ... Warga UMS dan penduduk Kg. Serigai bekerjasama mengecat semula Masjid Al-Amin, Kg. Serigai.



RAKAM KENANGAN...  
Kakitangan UMS dan penduduk Kg. Serigai bergambar kenangan sebelum memulakan gotong-royong.



TURUT SAMA... Kumpulan Pemuda Umno Bahagian Putatan turut bersama-sama menjayakan program gotong-royong.